

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS ABOUT SCREENING FOR TUBERCULOSIS (TB)

SOALAN-SOALAN LAZIM MENGENAI PEMERIKSAAN BAGI TUBERKULOSIS (TB)

INFORMATION ABOUT THE DISEASE

MAKLUMAT TENTANG PENYAKIT

1. What is TB? *Apakah Penyakit TB?*

Tuberculosis (TB) is a bacterial infection mostly found in the lungs but which can affect any part of the body. TB is curable with a course of medicine, at least 6 months. Only TB of the lungs or throat may be infectious and **most people will not be infectious within two weeks of taking the correct medicine.**

Tuberkulosis (TB) adalah jangkitan bakteria yang kebanyakannya didapati di dalam paru-paru, tetapi ia juga boleh menjejaskan bahagian badan yang lain. Kebanyakan penghidap TB paru-paru atau tekak tidak akan dapat menjangkiti orang lain selepas mengambil ubat dalam tempoh dua minggu. Walaubagaimanapun pesakit hendaklah menjalani rawatan perubatan yang ditetapkan yang biasanya mengambil masa sekurang-kurangnya selama 6 bulan untuk sembuh sepenuhnya.

2. How is it caught? *Bagaimana TB boleh dijangkiti?*

When someone with infectious TB of the lungs or throat coughs or sneezes, the germs can get into the air in small droplets and other people can breathe them in. People most likely to catch TB are those who have spent a lot of time with the person with TB (usually partners and other people in the same household, or rarely close work colleagues). It is unlikely that someone could catch TB in a place such as a bus or train, since contact for a number of hours with someone who is infectious is usually necessary to be at risk of infection. TB is not spread by spitting or sharing objects.

Apabila seseorang yang menghidapi TB jenis berjangkit (paru-paru atau tekak) batuk atau bersin, kuman TB dari pesakit tersebut akan tersebar melalui titisan cecair kecil dan akan mencemari udara yang dihirup oleh orang lain yang disekelilingnya. Orang yang berisiko dijangkiti penyakit TB ini adalah mereka yang banyak meluangkan masa dengan orang yang menghidapi penyakit TB berkenaan (biasanya teman yang rapat dan orang lain yang tinggal di dalam rumah yang sama, atau rakan sekerja yang dekat). Seseorang tidak mungkin dapat dijangkiti TB di tempat-tempat seperti bas atau kereta api, kerana jangkitan kuman

memerlukan jangka masa dalam beberapa jam bersama dengan penghidap TB untuk berlakunya risiko jangkitan. TB tidak akan berjangkit dengan meludah atau berkongsi objek.

3. What are the symptoms of active tuberculosis? *Apakah simptom-simtom tuberkulosis yang aktif?*

Cough lasting more than two weeks is often a first symptom of active tuberculosis (TB). Other common symptoms are a high temperature (fever), sweats, feeling unwell, weight loss, pains in the chest, and poor appetite. TB infection sometimes spreads from the lungs to cause infection in other parts of the body such as your lymph nodes (a swelling in the neck) or the joints.

Batuk berpanjangan yang melebihi dua minggu biasanya adalah tanda pertama Tuberkulosis (TB) aktif. Simtom-simtom lain yang lazim dialami adalah seperti panas badan (demam berpeluh), merasa kurang sihat, berat badan yang menurun, merasa sakit di bahagian dada dan kurang selera makan. Jangkitan TB biasanya merebak dari paru-paru dan menjangkiti bahagian badan yang lain seperti limfa nodus (bengkak di bahagian leher) atau urat sendi.

4. How infectious is active tuberculosis? *Sekuat manakah jangkitan Tuberkulosis aktif?*

To catch TB, you normally need close and prolonged contact with a person who has active TB in the lungs. Once that person has started treatment, they will no longer be infectious within two weeks of taking medicine. In Brunei Darussalam, if someone is diagnosed with TB then health workers will arrange TB tests for their close contacts.

Seseorang itu hanya akan dijangkiti dengan Penyakit TB jika ia berada berdekatan dalam tempoh yang lama bersama dengan seseorang yang menghidapi Penyakit TB yang aktif di paru-parunya. Apabila pesakit berkenaan mula menjalani rawatannya selama dua minggu dengan mengambil ubat, pesakit berkenaan tidak akan dapat menjangkiti sesiapa selepas itu. Di Negara Brunei Darussalam, jika seseorang itu dikesan menghidapi TB, kakitangan kesihatan awam akan mengaturkan ujian-ujian TB kepada orang-orang terdekat (close contacts) dengan pesakit.

5. What should I do if I have been in contact with someone who has infectious TB? *Apakah yang perlu dibuat apabila saya mempunyai hubungan dengan mereka yang dijangkiti dengan TB?*

If you have been in close contact with someone with infectious TB, you should be contacted by the Ministry of Health staff, which will arrange an appointment with you to have your check up. If you are not contacted and you are worried, phone the hotline **7181103**. If it is thought to be necessary, an appointment will be arranged for you.

*Jika awda mempunyai hubungan rapat dengan seseorang yang diketahui menghidapi penyakit TB yang berjangkit, awda akan dihubungi oleh kakitangan Kementerian Kesihatan dan mereka akan mengaturkan perjanjian dengan awda untuk menjalani ujian saringan. Jika awda tidak dihubungi dan merasa bimbang, sila hubungi talian **7181103**. Jika perlu, awda akan diberikan perjanjian.*

INFORMATION ABOUT THE SCREENING TESTS

MAKLUMAT MENGENAI UJIAN SARINGAN

6. What is contact tracing? *Apa dia pengesanan kontek?*

When you have been in contact with a person who has infectious TB and they have been coughing or sneezing a lot while close to you, you need to have screening tests to find out whether you have been infected or show signs of TB disease. This is important because the right advice can be given or treatment started if needed. It helps stop TB from spreading further by treating people early if necessary.

Jika awda berada dekat dengan penghidap penyakit TB yang sentiasa batuk atau bersin semasa bersama dengan awda, awda hendaklah menjalani ujian saringan. Ini adalah untuk mengetahui jika awda telah dijangkiti atau mempunyai tanda-tanda jangkitan penyakit TB. Ianya adalah penting kerana awda akan diberikan nasihat dan rawatan rapi, jika diperlukan. Selain itu, ianya juga akan membantu orang lain untuk mendapatkan rawatan lebih awal sebelum penyakit TB menular dan menjangkiti lebih ramai orang.

7. What do the screening tests involve? *Apakah yang terlibat dalam ujian saringan?*

The screening tests are to find out whether you have any symptoms of TB. Just because you test positive for one of the tests, it does not mean that you have TB. Positive results on screening means that you will require further investigation.

You may be offered one or more tests such as:

- Symptom questionnaire
- Skin test called a Mantoux Test
- Chest x-ray.

The results of these tests will help determine the advice or treatment which is best for you.

Ujian saringan adalah untuk mengesan jika awda mempunyai simptom-simptom TB. Awda tidak semestinya menghidapi TB, walaupun awda didapati positif dalam salah satu ujian yang dijalankan. Keputusan positif dalam ujian bererti awda dikehendaki untuk menjalani pemeriksaan selanjutnya.

Awda akan dikehendaki menjalani satu atau lebih dari ujian-ujian saringan seperti berikut:

- *Kajiselidik simptom*
- *Ujian kulit yang dipanggil Ujian 'Mantoux'*
- *Xray dada*

Keputusan dari ujian-ujian tersebut akan membantu untuk menentukan jenis rawatan yang terbaik dan bersesuaian untuk awda.

8. What is Mantoux test? *Apakah ujian "Mantoux"?*

Mantoux test is carried out to screen any suspected cases of Tuberculosis infection. Screening is carried out to individuals who are in close contact with tuberculosis patients. It is done by injecting 'Tuberculin' solution on the forearm. Reading is made after 72 hours. A positive mantoux test will show redness and swelling of more than 10mm around the injection site. Individuals with positive mantoux test with no tuberculosis diseases will be given medication to prevent from getting Tuberculosis.

Ujian mantoux ialah ujian yang dilakukan untuk menyiasat jangkitan penyakit TB. Ujian ini dilakukan kepada individu yang ada hubungan rapat dengan pesakit TB seperti keluarga, rakan sekolah, kawan dan lain lain. Sejenis protin akan disuntik di bawah kulit bahagian lengan. Individu yang terdedah pada jangkitan TB akan menunjukkan reaksi positif dalam masa 2-3 hari pada kawasan kulit disuntik. Semua golongan termasuk kanak-kanak, wanita hamil, wanita yang menyusui anak damit, orang tua, orang berpenyakit tertentu boleh mendapatkan ujian mantoux.

9. Am I infectious if the mantoux test is positive? *Jika ujian mantoux saya adalah positif, adakah saya boleh menjangkiti orang lain?*

A positive mantoux test does not mean that you have the disease. Having a mantoux positive should not be cause for panic. Your healthcare worker will assess the result and explain to you the further tests that you will need to get to determine if you have this disease. In the meantime, you should continue with day to day activities.

Ujian Mantoux yang positif tidak semestinya bererti awda telah dijangkiti dan awda tidak perlu merasa cemas. Kakitangan kesihatan awam akan menilai keputusan berkenaan dan akan menerangkan awda untuk mengambil pemeriksaan lebih lanjut yang diperlukan. Pada masa yang sama, awda boleh meneruskan aktiviti harian awda seperti biasa.

10. Can I carry on with my day-to-day activities? *Bolehkah saya meneruskan aktiviti harian saya?*

There is no reason to stop any of your daily activities. Even if you have been a contact of a case of infectious TB, you have only a small chance of developing TB infection or disease and an even smaller chance of having TB that can be passed on to other people. If you are strongly suspected of having infectious TB you will be given expert advice by healthcare workers.

Tidak ada sebab mengapa awda harus memberhentikan rutin harian awda, walaupun awda telah berhubung rapat dengan mereka yang diketahui mempunyai penyakit berjangkit TB. Ini adalah kerana peluang untuk penyakit TB itu untuk berkembang adalah kecil dan risiko untuk menjangkiti orang lain juga adalah sangat rendah. Jika awda sangat disyaki mempunyai jangkitan TB, awda akan diberikan saranan dari kakitangan kesihatan.